

**Soalan No: 19**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA** **Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH**  
**FADZIR [ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH** **15.3.2016**

**SOALAN**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian melihat isu lambakan jumlah pelajar yang melebihi kemudahan jumlah kelas yang sedia ada bagi memberi keselesaan sesi pengajaran dan pembelajaran seperti kadar nisbah pelajar 30:1 yang diputuskan oleh UNESCO. Berapakah jumlah Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang terkini dan apakah kriteria serta usaha yang dilakukan Kementerian dalam menaik taraf sekolah harian biasa yang lain menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, pada tahun 2015, purata saiz kelas bagi sekolah rendah adalah 26 murid bagi satu kelas manakala bagi sekolah menengah pula adalah 27 murid bagi satu kelas. Walau bagaimanapun, di kawasan Iuar bandar kebanyakan sekolah mempunyai saiz kelas yang lebih kecil daripada purata kebangsaan. Manakala, bagi sekolah-sekolah di pinggir bandar terdapat saiz kelas yang melebihi 30 murid satu kelas kerana pertumbuhan kawasan perumahan yang pesat.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang berat tentang isu ini dan akan mempertingkatkan kemudahan infrastruktur secara berperingkat untuk menambahkan bilangan kelas dan kemudahan pendidikan yang lain bagi memberi keselesaan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) adalah satu pengiktirafan tertinggi kepada sekolah-sekolah yang telah cemerlang supaya sekolah-sekolah ini akan terus meningkatkan kecemerlangan di peringkat antarabangsa. Sehingga 29 Februari 2016, sebanyak 132 sekolah telah diberi pengiktirafan sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) yang melibatkan 64 sekolah menengah dan 68 sekolah rendah. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 50 Sekolah Berasrama Penuh (SBP) telah mencapai pengiktirafan sebagai SBT.

Pertambahan SBT pada masa hadapan akan ditentukan berdasarkan bilangan sekolah rendah dan menengah yang memenuhi syarat generik berikut:

- (i) berada dalam Band Satu (1) berdasarkan skor komposit yang mengambil kira Gred Purata Sekolah (GPS) dan keputusan Penarafan Kendiri Sekolah (PKS) berasaskan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) iaitu skor komposit sekurang- kurangnya 85 peratus (%) bagi sekolah rendah dan sekurang- kurangnya 90 peratus (%) bagi sekolah menengah; dan
- (ii) tiada Audit Berteguran dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir.